**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 01 MEI 2019 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - Nyawa Lebih Utama | 36 |
| **The Star** | |
| - Temporary Housing For Flat Dwellers | 04 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 01 MEI 2019 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Nyawa Lebih Utama |
| Muka Surat | 36 |



*"Saya masih ingat perasaan takut dan seram melihat Blok C pangsapuri itu diruntuhkan walaupun ketika itu bangunan dikosongkan.*
Rohana



# Nyawa lebih utama

HM 1.5.19 MS 36

**Penghuni pangsapuri mohon penempatan lebih selesa jika perlu pindah tempoh lama**

Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Puasa dah dekat dan jika ikut hati memang nak cepat balik rumah. Tapi biar bangunan itu betul-betul selamat," luah warga emas Rohana Mohd Noor yang juga penghuni Blok F di Pangsapuri Taman Keramat Permai, Ampang.

Rohana, 66, antara 222 penghuni yang diarahkan berpindah akibat keretakan teruk pada pangsapuri empat tingkat berusia lebih 34 tahun itu sejak Jumaat lalu.

Menurutnya, insiden sebuah blok pangsapuri yang dirobohkan kerana mengalami masalah serupa dihadapi Pangsapuri Taman Keramat Permai lebih 20 tahun lalu masih segar dalam ingatannya.

"Saya masih ingat perasaan takut dan seram melihat Blok C pangsapuri itu diruntuhkan walaupun ketika itu bangunan dikosongkan.

"Jadi elok pihak berkuasa pastikan dulu pangsapuri kami benar-benar selamat walaupun kalau ikut hati nak sambut puasa di rumah," katanya di pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) AU2, Keramat di sini, semalam.


KESAN retak pada dinding di tingkat 4 Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai.

Jumaat lalu, 222 penghuni bangunan empat tingkat itu diarah berpindah susulan berlaku keretakan pada dinding kediaman berkenaan selepas hujan lebat.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebelum ini dilaporkan melantik Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) untuk memasang pengesan dan alat kajian bagi memastikan sama ada mendapan serta pergerakan tanah benar-benar aktif atau sebaliknya.

Kelmarin, Ahli Parlimen Gombak Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dipetik berkata, semua rumusan hasil siasatan terbabit diteliti sebelum keputusan sama ada bangunan berkenaan selamat atau sebaliknya.

Beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkata, 37 keluarga yang mendiami flat terbabit dijangka boleh kembali ke kediaman masing-masing selewatnya-lewatnya sebelum 1 Ramadan.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Shabnam Shaheen, 37, berkata, mereka lima sekeluarga akur sekiranya tidak dapat menyambut puasa di rumah walaupun segala persiapan menyambut Ramadan dan Aidilfitri hampir siap.

"Selepas berpindah ke flat berkenaan lima bulan lalu, saya berhabis RM2,800 untuk membaiki keretakan, cat dan dekorasi dalaman untuk menyambut Ramadan dan Syawal.

"Rasa terkilan juga, tapi nyawa keluarga lebih penting jadi biar struktur bangunan benar-benar selamat sebelum kami pulang ke rumah," katanya.

Pekerja swasta, Ahmad Fadhil Mohamed, 33, berharap pihak berkuasa menyediakan penempatan lebih sesuai sekiranya penduduk perlu berpindah untuk tempoh lama.

"Bagi masa singkat, mungkin kemudahan di dewan ini memadai kerana dilengkapi pendingin hawa selain makanan dan minuman juga disediakan tetapi tidak sesuai didiami terlalu lama.

"Maklumlah, bila ada ramai keluarga banyak batas pergaulan perlu dijaga apatah lagi saiz ruang peribadi dalam khemah yang terhad menyukarkan urusan seharian," katanya.

Pandangan sama disuarakan Faysal Yusoff, 45, yang berharap kerajaan menyediakan penempatan seperti rumah sementara di kawasan berhampiran.


SHABNAM


AHMAD Fadhil


FAYSAL


PETUGAS memasang alat pengesan struktur bawah tanah di Pangsapuri Taman Keramat Permai.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>01 MEI 2019 (RABU) | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Temporary Housing For Flat Dwellers |
| Muka Surat | 04 |



# Temporary housing for flat dwellers

## MPAJ identifies units in Hulu Kelang for affected Taman Keramat Permai Flats residents

TS 1.5.19 MS 04

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

AT LEAST 40 units of temporary housing will be available for residents of Block F, Taman Keramat Permai Flats in Ampang if necessary.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) president Datuk Abdul Hamid Hussain said the council had identified the units in several apartments in Hulu Kelang should long-term housing prove necessary for the residents.

"For now, we will have to wait for the report that is expected to be out by May 2 before any decisions are made," he said during the council's full board meeting yesterday.

Updating on the residents' situation, Abdul Hamid said 26 families were still staying at the temporary evacuation centre in AU2 Keramat.

"As of Monday night, there were 94 people at the centre, looked after by the Social Welfare Department and Pantas Selangor," he said.

A total of 222 occupants were forced to evacuate their homes here after 10 large cracks showed on the building.

Selangor State Development Corporation (PKNS) appointed Malaysian Public Works Institute (Ikram) to inspect the building and the results were expected to be revealed soon.

Meanwhile, Abdul Hamid said over 30 compounds were issued to various developers and contractors for failure to adhere to building guidelines for projects in the municipality.

"Their negligence has caused problems like mud floods and flooding, so action was taken against them.

"Where necessary, we even issued stop-work orders so that mitigation works were carried out," he said.

As for the dengue situation in Ampang, he said there were 1,463 reported cases as of April 23, with one death.

There are currently six dengue hotspots in the municipality.




A total of 222 occupants were forced to evacuate Block F of Taman Keramat Permai Flats in Ampang after 10 large cracks were found on the building. — Bernama